

BAB 6: KEGIATAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN INDIA DARI TAHUN 1946 HINGGA 1957

Tempoh masa ini amat penting dalam semua aspek kerana pada masa inilah Tanah Melayu mengalami pelbagai perubahan dari segi ekonomi, politik dan sosial. Dari segi politik Tanah Melayu mengalami perubahan pentadbiran kerana pembentukan perlombagaan-perlombagaan baru, iaitu bermula dengan Malayan Union dan ia digantikan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selain itu Tanah Melayu juga menghadapi ancaman daripada pihak komunis. Dari segi ekonomi pula pelbagai rang undang-undang, pindaan dan akta telah diperkenalkan untuk memulihkan ekonomi Tanah Melayu selepas serangan Jepun dan untuk menghadapi serangan pihak komunis. Dari segi sosial pula kerajaan mula menitikberatkan tentang kebijakan penduduk yang berbilang kaum di Tanah Melayu. Oleh itu dasar-dasar baru dibuat untuk menjaga kepentingan pelbagai kaum.

Dewan-dewan Perniagaan India juga mengalami pelbagai cabaran dan perubahan dalam tempoh masa ini. Dewan Perniagaan India mengalami pelbagai masalah berikutan dari pengenalan dasar-dasar dan rang undang-undang baru oleh kerajaan. Setengah daripada rang undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi Dewan-dewan Perniagaan India akan dibincangkan dalam bab lain.

Oleh itu dalam tempoh masa ini Dewan-dewan Perniagaan India telah berusaha untuk mengukuhkan kedudukan Dewan dan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi. Selain itu untuk menguatkan kedudukan Dewan-dewan Perniagaan India di Tanah Melayu telah ditubuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India sebagai satu badan yang mewakili semua dewan-dewan India untuk memperjuangkan kepentingan mereka.

Kegiatan Ekonomi

Dewan-dewan Perniagaan India sentiasa peka dengan perkembangan ekonomi semasa. A.A.Abdullah (presiden Dewan Perniagaan India) pada tahun 1951 berpendapat rancangan-rancangan kerajaan untuk menurunkan perbelanjaan hidup (*cost of living*) telah membawa hasil.¹ Oleh itu menasihatkan peniaga-peniaga India supaya merancang dengan teliti tentang perniagaan dan pembelian barang-barang kerana harga barang tidak tetap pada masa itu. Pembelian barang dengan berlebihan untuk simpanan stok akan merugikan para peniaga India jika harga barang-barang jatuh. Pengurangan perbelanjaan kerajaan dan perbelanjaan hidup harian merupakan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi kemerosotan ekonomi.²

Dewan-dewan Perniagaan India di Tanah Melayu juga telah menyeru kerajaan India menempatkan seorang Persuruhjaya Perdagangan (*Trade Commissioner*) di Singapura. Ini disebabkan kerana 90% perdagangan di antara Tanah Melayu dan India dikendalikan oleh saudagar-saudagar India termasuk Singapura.³

Pandangan Dewan-dewan Perniagaan India di Tanah Melayu diterima dengan baik oleh kerajaan India. Pada tahun 1953 telah ada empat orang wakil perdagangan dari kerajaan India di Asia Tenggara, iaitu di Singapura, Indonesia, Burma dan Thailand.⁴ Pada masa itu India telah membekalkan barang-barang eksport seperti mesin jahit, injin diesel, *linolium*, motor elektrik, kipas, transformer dan lain-lain barang elektrik selain dari barang-barang makanan dan kain.⁵

Para pedagang India di Tanah Melayu telah merasa bimbang dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh kerajaan India. Dewan-dewan Perniagaan India melalui *Trade Commissioner* di Singapura, iaitu melalui Sandar Joginder Singh telah menyuarakan tentang kemusykilan mereka tentang cukai pendapatan bagi pelaburan-pelaburan di India yang dilabur oleh

orang India yang tidak menetap tetap di India dan juga bukan orang India.⁶ Kerajaan India telah memberikan penjelasan bagi kemasukan para peniaga India di Tanah Melayu. Semua modal-modal pelaburan yang dibawa masuk ke India oleh orang India yang tidak menetap tetap dan bukan orang India untuk tujuan pelaburan tidak akan dikenakan cukai tetapi pendapatan yang diperolehi melalui pelaburan itu akan dikenakan cukai. Tetapi para pelabur harus menunjukkan bukti bagi jumlah wang yang dibawa masuk bagi tujuan pelaburan. Oleh itu bagi tujuan menjaga kepentingan para pelabur, mereka dinasihatkan terlebih dahulu memberitahu jumlah wang yang mereka ingin bawa masuk ke India dan cara pelaburannya kepada *Trade Commissioner* atau Pesurujaya Perdagangan India.⁷

Pada tahun 1952, rang undang-undang cukai pendapatan sekali lagi telah dibuat pindaan oleh Menteri Kewangan India dalam parlimen India. Modal pelaburan yang dibawa dari luar India sama ada orang India atau bukan orang India, ia harus dibawa masuk dalam tempoh masa dua tahun seseorang itu menetap di India. Ia tidak akan dikenakan cukai pendapatan bagi tafsiran tahun 1951 dan 1952.⁸ Dalam rang undang-undang baru ini, pelaburan yang dibawa masuk ke India selepas tahun 1952, ia harus jelaskan cukai pendapatan sama ada mengikut tafsiran dalaman India atau tafsiran dari luar. Tafsiran yang paling tinggi akan diambilkira.⁹

Dewan Perniagaan India juga mengambil berat tentang kemajuann perusahaan ringan di Tanah Melayu. Gabungan Dewan Perniagaan India pada tahun 1953 telah menyeru kerajaan memajukan perusahaan ringan di Tanah Melayu. Ia berpendapat perkara itu penting pada masa itu kerana mana-mana negara pun tidak boleh bergantung kepada pengeluaran bahan-bahan mentah sahaja untuk kestabilan ekonomi.¹⁰ Modal-modal yang dibawa oleh pelabur-pelabur luar dapat memajukan pengeluaran dan eksport bahan-bahan mentah serta barang-barang siap.

Tanah Melayu mempunyai buruh dan bahan mentah tetapi tidak ada modal dan skil teknologi untuk memajukan perindustrian. Oleh itu Gabungan Dewan Perniagaan India menyeru pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Tanah Melayu mengambil bahagian dalam bidang perusahaan dan melatih orang-orang tempatan bagi kerja-kerja yang berskil. Presiden Gabungan Dewan Perniagaan India berpendapat jika kerajaan meninggikan taraf hidup rakyat sahaja tidak cukup kerana rakyat sendiri harus meninggikan taraf mereka sendiri supaya pemodal-pemodal tidak menganggap penduduk Tanah Melayu sebagai buruh-buruh di ladang getah, lombong bijih timah dan kelapa sawit sahaja tetapi melatih mereka bagi kerja-kerja teknikal juga.¹¹

Dewan-dewan Perniagaan India juga telah mengalami pelbagai masalah dalam menjalankan kegiatan ekonomi mereka. Peniaga-peniaga India telah mengalami nasib yang kurang baik selepas Perang Dunia Kedua kerana perniagaan mereka telah merosot akibat kelewatan dalam menamatkan darurat dan beban cukai. Cukai telah dikenakan kepada harta-harta yang dibeli semasa Pendudukan Jepun. Peniaga-peniaga India telah mengalami kehidupan yang susah semasa Pendudukan Jepun. Selepas kedatangan semula British, harta atau wang yang serba sedikit yang ada pada mereka terpaksa digunakan untuk membayar cukai.¹² Oleh itu mereka tidak cukup modal untuk memulihkan perniagaan mereka.

Ordinan Debtor dan Creditor

Ordinan *Debtor* dan *Creditor* (*Occupation Period*) yang digubal pada tahun 1948 telah dikuatkuasakan mulai 1 Oktober 1949.¹³ Seorang yang meminjam melebihi \$250 semasa Pendudukan Jepun dan pembayaran yang dibuat dengan matawang Pendudukan Jepun selepas 31 Disember 1943, akan dinilai semula dengan skala yang ditentukan dalam jadual (*schedule*) Ordinan *Debtor* dan *Creditor*.¹⁴ Bayaran penjelasan hutang yang dibuat selepas 12 Ogos 1945 dengan menggunakan matawang Jepun, dianggap tidak sah. Oleh

itu mereka perlu bayar sekali lagi seperti dalam perjanjian atau persetujuan asal. Bunga yang ditetapkan bagi pinjaman perlu dijelaskan bagi tahun-tahun yang ditangguh kecuali pada tempoh *Moratorium*, iaitu dari 6 September 1945 hingga 31 Mac 1946.¹⁵ Tempoh *Moratorium* ialah tempoh penangguhan yang dibuat bagi cukai ke atas barang dan harta yang dibeli semasa Pendudukan Jepun kerana kerajaan telah memberikan masa yang sedikit kepada orang ramai untuk memberikan pendapat mereka tentang Rang Undang-undang *Debtors and Creditors*.

Kadar bunga bagi tempoh masa Pendudukan Jepun akan dikira sebagai 3% bagi setahun atau seperti yang dipersetujui dalam perjanjian asal dan bunga yang terendah antara kedua-dua ini dianggap sebagai kadar bunga yang perlu dibayar. Dari tempoh 1 April 1946 hingga 30 September 1949, kadar bunga dikira $4 \frac{1}{2} \%$ setahun atau kadar yang disetujui pada awalnya. Di antara kedua-dua itu yang paling rendah akan diambilkira. Selepas 30 September 1949 semua kadar bunga dikira mengikut yang dipersetujui pada awalnya.¹⁶

Peniaga-peniaga India yang sudah pun mengalami kerumitan semasa Pendudukan Jepun disebabkan matawang tidak bernilai dan kawalan Jepun ke atas barang-barang, telah menghadapi cabaran sekali lagi semasa pengenalan Ordinan *Debtors and Creditors* kerana perlu bayar cukai bagi harta-harta yang dibeli semasa Pendudukan Jepun.

Dewan-dewan Perniagaan India telah mementingkan kegiatan ekonomi. Ini adalah kerana kegiatan utama mereka ialah mencari keuntungan melalui perniagaan dan perdagangan. Oleh itu mereka telah memberi tumpuan dalam kegiatan dan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan yang akan mempengaruhi kegiatan ekonomi mereka.

Kegiatan Politik

Dewan-dewan Perniagaan India telah memberikan sokongan kepada dasar-dasar membina yang diperkenalkan oleh kerajaan. Sokongan Dewan Perniagaan India ini dapat dilihat daripada ucapan yang diberikan oleh presiden Dewan Perniagaan India Selangor, iaitu A.A.Mohamed Abdullah yang menyeru ahli-ahli dan peniaga-peniaga India supaya memberikan sokongan serta prihatin dengan dasar-dasar kerajaan. Selain itu “*Luke warm support*” yang diberikan oleh peniaga-peniaga India dan tidak melibatkan diri secara bersungguh-sungguh dalam hal-ehwal politik Tanah Melayu juga ditegur oleh A.A.Abdullah.¹⁷ A.A.Abdullah membuat perbandingan dengan golongan lain yang menyambut baik cadangan-cadangan yang baik dari kerajaan tetapi para peniaga India hanya menjadi pemerhati belakang sahaja dan memberikan sambutan secara lisan sahaja. Ini dinyatakan seperti berikut, “*We Indian recode to the back ground and render only lip service.*”¹⁸ Oleh itu orang India untuk menjaga kepentingan, mereka harus memberikan sumbangan dan mengikuti perubahan politik Tanah Melayu.

Pendapat A.A.Muhammed Abdullah itu berlainan daripada pendapat R.Jumabhoy, iaitu presiden Dewan Perniagaan India Singapura. R.Jumabhoy menasihatkan peniaga-peniaga India Johor supaya tidak campurtangan dalam politik dan jauhkan politik dari perniagaan.¹⁹ Oleh kerana peniaga-peniaga India datang ke Tanah Melayu untuk tujuan perniagaan, mereka harus tumpukan perhatian dalam perniagaan sahaja. Selagi kepentingan para peniaga tidak terganggu akibat dasar-dasar politik, mereka dinasihatkan tumpukan perhatian dalam perniagaan dan perdagangan sahaja.²⁰

Dewan-dewan Perniagaan India juga telah mendesak kerajaan untuk menempatkan wakil-wakil mereka dalam Majlis Settlement dan Majlis Persekutuan (*Federal Councils*). Dewan-dewan Perniagaan India berpendapat

komuniti saudagar merupakan orang yang berpotensi dalam komuniti India. Oleh itu telah menjadi tugas dewan untuk menyuarakan pendapat orang India yang mempunyai kepentingan bersama serta memberikan perkhidmatan kepada komuniti India.²¹ Permintaan mereka terlaksana apabila wakil mereka ditempatkan dalam Majlis Persekutuan, iaitu S.O.K. Ubaidulla. Dewan Perniagaan India Pulau Pinang juga telah mendesak kerajaan Pulau Pinang menempatkan seorang wakil dari kalangan peniaga-peniaga India dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi menjaga kepentingan dan pelaburan peniaga-peniaga India.²² Ini disebabkan golongan peniaga India juga merupakan pembayar utama cukai-cukai perbandaran.

Dewan Perniagaan India juga bimbang tentang kerakyatan Tanah Melayu apabila isu ini hangat dibincangkan. Pada tahun 1949, Dewan Perniagaan India Selangor, Singapura, Melaka dan Negeri Sembilan telah berkumpul dan membincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kerakyatan.²³ Dewan Perniagaan Selangor telah memilih R.Ramani (seorang peguam) sebagai wakil peniaga-peniaga India untuk memberi pandangan para peniaga India dalam *The Indian Constituent Assembly* tentang perkara kerakyatan dalam Perlembagaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.²⁴

Dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, kerakyatan secara kuatkuasa undang-undang hanya terbuka kepada rakyat raja dan rakyat British. Antara syarat-syarat penting kerakyatan kepada orang luar ialah kerakyatan secara permintaan pula terbuka kepada orang luar yang telah diperanakkan dalam mana-mana negeri dalam Persekutuan dan telah tinggal dalam satu atau lebih negeri-negeri itu selama 8 tahun daripada 12 tahun dahulu sebelum permintaan kerakyatan. Selain itu orang luar yang telah tinggal dalam satu atau lebih daripada negeri-negeri itu selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun yang dikira serta merta dari hari permintaan kerakyatan.²⁵ Selain itu seseorang pemohon kerakyatan harus mempunyai

cukup pengetahuan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Dengan syarat-syarat ketat ini hanya 10 peratus sahaja orang luar yang layak menjadi rakyat Persekutuan 1948.²⁶ Syarat-syarat ketat kerakyatan telah menimbulkan kebimbangan di kalangan para peniaga India. Sebilangan yang kecil sahaja yang layak menjadi rakyat Tanah Melayu. Golongan ini telah menanam modal yang banyak di Tanah Melayu. Oleh itu mereka bimbang nasib mereka di Tanah Melayu.

Dewan Perniagaan India telah mula berasa cemas apabila perbincangan kerakyatan telah mula diadakan di Tanah Melayu. Selain daripada memperolehi kerakyatan Tanah Melayu, mereka juga keliru tentang kerakyatan mana satu negara yang harus dipilih di antara Tanah Melayu dan India. Oleh itu pada tahun 1950 Dewan Perniagaan India Selangor telah menghantar seorang wakil, iaitu R.Ramani ke India apabila perlombagaan India digubal bagi pihak orang India di Tanah Melayu untuk membincangkan tentang soal kerakyatan dengan kerajaan India. Pihak India telah memberikan jawapan bahawa penerimaan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu tidak akan menjaskankan hak-hak orang India sebagai seorang keturunan India.²⁷

Dewan Perniagaan India juga memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat India di Tanah Melayu. Pada tahun 1950, presiden Dewan Perniagaan India Selangor (DPIS), iaitu A.A.Mohamed Abdullah semasa bersara dari jawatannya meminta orang India di Tanah Melayu melupakan perbezaan-perbezaan di antara mereka, iaitu dari segi agama, bahasa, keturunan dan bersatupadu untuk menjaga kepentingan dan hak mereka.²⁸ Bagi menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu, mereka harus mempunyai satu pertubuhan yang kuat yang dapat menyuarakan pendapat seluruh masyarakat India. Beliau berpendapat demikian kerana dalam Jawatankuasa Perhubungan Kaum (*Communities Liaison Committee*) yang ditubuhkan pada tahun 1949²⁹ untuk mengkaji pemberian kerakyatan

telah mempunyai wakil orang Cina, Melayu dan Sri Lanka tetapi tidak ada wakil orang India.³⁰

Jawatankuasa Perhubungan Kaum ditubuhkan supaya pemimpin-pemimpin *United Malay National Organization* (UMNO) dapat berunding dengan pemimpin-pemimpin bukan Melayu untuk mencari langkah-langkah politik bagi masalah yang dihadapi dari segi pemberian kerakyatan dan perpaduan rakyat berbilang kaum.³¹ Oleh kerana tidak ada wakil orang India dalam Jawatankuasa Perhubungan Kaum menyedarkan orang-orang India untuk bersatupadu bagi memperjuangkan hak-hak mereka seperti orang Melayu dan Cina di Tanah Melayu. Oleh itu Dewan-dewan Perniagaan India ingin mewujudkan perpaduan di kalangan orang India. Pada peringkat awalnya ia dimulakan di kalangan golongan peniaga dengan menujuhkan Gabungan Dewan Perniagaan India.

Dewan Perniagaan India Pulau Pinang (DPIPP) juga berpendapat tidak wujud perpaduan di kalangan orang India dan ini menyebabkan mereka masih terpinggir dalam pembangunan Tanah Melayu pada tahun 1953.³² Pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin India masih tidak berjaya membela nasib orang India pada masa itu. Oleh itu DPIPP mendesak orang India sedar tentang tanggungjawab mereka kepada masa depan generasi mereka dan harus mengambil langkah-langkah bagi menjaga kepentingan politik orang-orang India di Tanah Melayu.³³

Dewan-dewan Perniagaan India juga mengalami pelbagai masalah dari segi politik akibat pengenalan dasar-dasar baru oleh kerajaan dalam menjalankan kegiatan ekonomi mereka.

Kerjasama antara Dewan-dewan Perniagaan India

Dewan-dewan Perniagaan India Tanah Melayu telah memohon bantuan dari kerajaan India melalui wakil kerajaan India di Tanah Melayu

untuk mendapatkan pinjaman sebanyak \$50,000,000 bagi golongan saudagar-saudagar India pada tahun 1948.³⁴ Tetapi Dewan Perniagaan India Singapura telah menentang usul untuk mendapatkan pinjaman dari kerajaan India yang permohonannya yang dibuat melalui MIC dengan alasan para pedagang India tidak akan mengalami kesusahan jika *Bill Debtor* dan *Creditor* dikuatkuasakan.³⁵ Golongan Chettiar juga telah mengalami kesulitan semasa Pendudukan Jepun sehingga ada yang terpaksa menjual tanah mereka untuk memulakan perniagaan. Oleh itu setiausaha Dewan Perniagaan Chettiar, iaitu Suppiah telah mengalu-alukan pinjaman dari kerajaan India.³⁶

Kerajaan India pada masa itu telah bersimpati dengan keadaan orang India semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Oleh itu telah melantik pegawai-pegawai kebajikan untuk memberikan bantuan kepada mereka. Para pedagang India juga telah menggunakan kesempatan itu untuk memohon pinjaman dari kerajaan India. Memandangkan pendapat pedagang-pedagang India berbeza tentang pinjaman, J.A.Thivy menasihatkan mereka menujuhkan sebuah Dewan Perniagaan yang mewakili semua Dewan Peniagaan India, iaitu yang menggabungkan Dewan-dewan Perniagaan India dan Dewan Chettiar.³⁷

Pembayaran Cukai Pendapatan

Ahli-ahli perniagaan India yang ada hubungan dengan India telah mengalami masalah dalam pembayaran cukai pendapatan kepada kerajaan India. Pegawai-pegawai cukai pendapatan terutamanya India Selatan telah membuat andaian tafsiran cukai pendapatan pada tahun 1947 bagi pembayar-pembayar cukai pendapatan dari luar negara (*Foreign Income Tax Payers*) berpandukan pengiriman wang ke India pada akhir tahun 1941 dan awal tahun 1942, iaitu sebelum Pendudukan Jepun di Tanah Melayu.³⁸ Dewan Perniagaan India Selangor telah hantar rayuan kepada wakil kerajaan India di Tanah Melayu dan merayu supaya tafsiran cukai pendapatan harus ditunda sehingga keadaan ekonomi di Tanah Melayu pulih.³⁹

Semasa Pendudukan Jepun peniaga-peniaga India telah mengalami kerugian sehingga ada yang telah menutup perniagaan. Oleh itu wang yang telah dikirimkan ke India sebelumnya terpaksa dibawa ke Tanah Melayu untuk memulakan dan memajukan semula perniagaan lama mereka. Dewan Perniagaan India berpendapat sehingga perniagaan mereka stabil dari segi ekonomi, kerajaan India tidak harus mengeksplotasi peniaga-peniaga India yang sudah pun mengalami banyak kerugian. Agen kerajaan India, S.K.Chettur telah diminta untuk menulis bantahan mereka kepada kerajaan India untuk membatalkan cukai pendapatan yang dikenakan kepada orang India dari luar untuk sementara waktu.⁴⁰

Pendapat-pendapat Dewan Perniagaan India menunjukkan bahawa walaupun ahli-ahli perniagaan tidak memainkan peranan aktif secara langsung dalam politik tetapi mereka masih memerhatikan keadaan politik semasa dan memperjuangkan kepentingan-kepentingan mereka serta kepentingan orang India lain melalui cara-cara perundangan.

Kegiatan Sosial

Dewan-dewan Perniagaan India juga prihatin dengan masalah sosial dan juga memberikan sumbangan mereka kepada kebajikan para peniaga dan orang India. Ini dapat dilihat daripada sokongan yang diberikan oleh Dewan-dewan Perniagaan India kepada penubuhan Universiti Malaya. Dewan-dewan Perniagaan India telah menyokong penubuhan Universiti Malaya dan berpendapat ia akan menolong kemajuan ekonomi Tanah Melayu.

Universiti Malaya

Pada Mac 1947 Sir Alexander Carr Saunders telah mengetuai Suruhanjaya Pelajaran Tinggi telah mengesyorkan penubuhan segera Universiti Malaya. Universiti ini akan merupakan satu gabungan Maktab

Raffles dan Maktab Perubatan King Edward VII.⁴¹ Di antara syor Suruhanjaya ini ialah penubuhan Jabatan Pengajian Tamil sebagaimana terdapat Jabatan Pengajian Melayu dan Cina. Antara objektif utama penubuhan Universiti Malaya ialah “*...to refine and preserve all that is best in local tradition and culture.*”⁴² Oleh kerana orang India merupakan kaum ketiga terbesar di Tanah Melayu, maka disarankan untuk penubuhan jabatan pengajian India. Dewan Perniagaan India Selangor menyokong penubuhan jabatan pengajian India di Universiti Malaya.

Oleh itu bagi penubuhan Universiti Malaya, Dewan-dewan Perniagaan India menyeru peniaga-peniaga India memberikan bantuan mereka secara *donate liberaly* kepada Tabung Institusi Universiti Malaya yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan India.⁴³ Kutipan-kutipan derma dari peniaga-peniaga India dari seluruh Tanah Melayu akan dikumpulkan dan diberikan kepada pihak Universiti untuk sesuatu tujuan yang spesifik.⁴⁴

Membantu Imigran India

Dewan Perniagaan India juga menolong imigran-imigran India yang ingin datang ke Tanah Melayu. Pengharaman kedatangan imigran buruh India tidak mahir ke Tanah Melayu oleh kerajaan India telah menyebabkan Pengelola Imigresen (*Controller of Emigration*) Tanah Melayu mengkaji dengan teliti semua permohonan imigran-imigran India yang ingin datang ke Tanah Melayu.⁴⁵ Lagipun pada masa itu pihak kerajaan ingin orang tempatan memenuhi peluang-peluang pekerjaan di Tanah Melayu.

Semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, kebanyakan borang-borang permohonan imigran-imigran India yang memohon untuk datang ke Tanah Melayu telah hilang. Di antaranya ialah permohonan-permohonan yang layak. Oleh itu Presiden Dewan Perniagaan India Negeri Sembilan pada masa itu, S.O.K.Ubaidulla telah berjumpa dengan J.C.King, iaitu Pengelola Imigresen Persekutuan Tanah Melayu untuk mempertimbangkan semula

permohonan-permohonan sebelum Pendudukan Jepun. J.C.King setuju mempertimbangkan permohonan-permohonan layak yang dibawa ke perhatiannya menerusi Dewan-dewan Perniagaan India. Dewan-dewan Perniagaan India telah membentuk satu Jawatankuasa untuk mengkaji permohonan imigran-imigran India yang ingin datang ke Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Jawatankuasa ini diketuai oleh presiden-presiden Dewan Perniagaan India, iaitu di Pulau Pinang oleh N.T.Assumumol (syarikat Wassiamul), Ipoh oleh M.A.Abdul Wahab (syarikat Hather Batcha), Kuala Lumpur oleh Surjit Singh (syarikat Gian Singh), Seremban oleh S.O.K. Ubaidulla dan Melaka oleh C.M.Seth (syarikat C.M.Seth).⁴⁶

Perkapalan

Dewan Perniagaan India sentiasa prihatin dengan masalah orang India di Tanah Melayu yang ada kaitan dengan kerajaan India. Ini disebabkan kerana golongan peniaga India mempunyai perhubungan rapat dengan India dari segi perniagaan dan juga keluarga. Oleh itu Dewan Perniagaan India Selangor telah membawa aduan tentang masalah perkapanan kepada kerajaan India bagi memperbaiki kemudahan pengangkutan bagi orang India. Aduan tentang masalah bagi mendapat tiket kapal laut dari syarikat-syarikat swasta telah dihantar kepada Jabatan Perhubungan *Commonwealth (Commonwealth Relations Department)* di New Delhi dan salinan dihantar kepada wakil kerajaan India di Tanah Melayu.⁴⁷ Tiket-tiket kapal laut terpaksa ditempah di awal tahun bagi perjalanan dari awal tahun hingga ke akhir tahun. Keluarga-keluarga India yang ingin balik ke India terpaksa menunggu lama. Oleh itu Dewan Perniagaan India meminta kerajaan India menyewa kapal-kapal laut untuk pelayaran dari pelabuhan-pelabuhan India ke Tanah Melayu bagi mengurangkan masalah orang India.⁴⁸

Selepas negara India merdeka, ia mula membesarkan sektor perkapanan perdagangan dengan membeli atau membina kapal-kapal laut sendiri.⁴⁹ Tidak dapat dinafikan bahawa sebelum kedatangan imperialisme

Barat ke Asia, India telah pun mempunyai kapal-kapal perdagangan sendiri dan telah belseyar dengan membawa barang-barang perdagangan ke pelabuhan-pelabuhan entrepot dunia. Oleh itu selepas merdeka, India mahu mengembalikan zaman kegemilangan dalam sektor perdagangan. Jadi ia menumpukan perhatian kepada kemajuan sektor perdagangan.

Dewan Perniagaan India pula berpendapat kapal-kapal laut baru India tidak harus mementingkan pengangkutan barang-barang perdagangan sahaja kerana tugas penting sektor perkapalan India ialah bagi menyediakan kapal-kapal pengangkutan bagi penumpang-penumpang India. Kebanyakan penumpang India adalah buruh India. Oleh itu mereka hanya mampu berlayar dalam tiket dek kapal sahaja. Tiket dek kapal dari Tanah Melayu ke India sebelum Perang Dunia Kedua ialah \$20 tetapi selepas Perang Dunia Kedua, ia berharga lebih kurang \$70.00 dan keadaan dek-dek kapal sangat buruk.⁵⁰

Malayan Indian Congress (MIC) juga sokong Dewan Perniagaan India dalam pembantahan kenaikan tambang tiket kapal laut. Tiket-tiket dari Port Swettenham, Pulau Pinang dan Singapura ke Madras dan Nagapatnam telah dinaikkan bagi semua kelas tiket mulai 1 Oktober 1948.⁵¹ Sebelum kenaikan ini orang India telah mengharapkan tambang tiket akan dikurangkan ke tahap sebelum Perang Dunia Kedua tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah tambang tiket telah dinaikkan lebih dari 70% daripada tambang sebelumnya.⁵² Pihak-pihak syarikat kapal seperti *Messrs Bonstead Co.Limited* di Kuala Lumpur, *Messrs Islay Ker&Co. Limited* di Singapura dan *Messrs Islay Ker&Co.Limited* di Pulau Pinang yang sudah lama terlibat dalam pelayaran ke Tanah Melayu dan India dan memperolehi banyak keuntungan darinya harus lebih prihatin dalam kebijakan penumpang-penumpangnya.⁵³ Pihak MIC pun telah menghantar surat bantahan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Dewan perniagaan India telah berjaya dalam perjuangannya kerana pada Oktober 1950, kerajaan India telah mengadakan perkhidmatan kapal laut di antara Tanah Melayu dan India.⁵⁴ Kapal-kapal laut itu adalah milik orang India dan mereka telah berasa gembira kerana tidak perlu lagi belayar di kapal-kapal milik orang asing dalam keadaan dan layanan yang buruk.

Tidak mematuhi peraturan

Dewan Perniagaan India Selangor telah berasa kesal kerana sehingga tahun 1949 ada peniaga-peniaga kedai India yang tidak menutup kedai mereka pada hari Ahad, walaupun Dewan Perniagaan India telah menetapkan peraturan penutupan kedai pada hari Ahad pada tahun 1938.⁵⁵ Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Perniagaan India Selangor telah diputuskan bahawa ahli-ahlinya harus menutup kedai-kedai atau syarikat mereka pada hari Ahad dan pekeliling mengenainya telah dihantar kepada ahli-ahlinya.⁵⁶ Peraturan ini telah menimbulkan persaingan tidak sihat di kalangan peniaga-peniaga India yang menutup kedai dan yang tidak menutup kedai. Oleh itu peniaga-peniaga diminta mengikuti peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan, iaitu Rang Undang-undang Cuti Mingguan (*Weekly Holidays Bill*).⁵⁷

Dewan-dewan Perniagaan India telah mengalami banyak masalah semasa dan selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Ahli-ahli dewan perniagaan India telah dibebani dengan pelbagai cukai baru yang diperkenalkan dan perubahan-perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu dan juga India.

Dewan-dewan Perniagaan India dari segi kegiatan sosial telah membantu orang-orang India dengan membantu imigran-imigran India datang ke Tanah Melayu. Hasil daripada perjuangan Dewan Perniagaan India, orang India dapat memperolehi perkhidmatan kapal laut yang lebih baik.

Kesimpulan

Selepas Pendudukan Jepun sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan Dewan-dewan Perniagaan India telah mengalami pelbagai masalah dan dugaan. Mereka juga telah memajukan Dewan-dewan Perniagaan India walaupun telah menghadapi pelbagai rintangan.

Dewan-dewan Perniagaan India bagi memajukan perniagaan mereka di Tanah Melayu telah meminta kerajaan India menempatkan seorang Pesuruhjaya Perdagangan di Tanah Melayu. Permintaan mereka ditunaikan dan seorang Pesuruhjaya Perdagangan telah ditempatkan di Singapura. Tugas utama Pesuruhjaya Perdagangan ialah menjaga kepentingan golongan peniaga India serta memudahkan urusan perdagangan mereka di antara Tanah Melayu dan India. Dengan cara perdagangan ini kerajaan India juga mendapat keuntungan. Dewan-dewan Perniagaan India juga telah memberikan cadangan-cadangan yang membina kepada kerajaan untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu. Di antaranya, mereka mencadangkan kerajaan memajukan industri kecil supaya ekonomi Tanah Melayu tidak bergantung kepada bahan-bahan mentah sahaja.

Dewan-dewan Perniagaan India juga menyokong dasar-dasar baik kerajaan dan telah memberikan sokongan kepada kerajaan. Ini dapat dilihat daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh presiden-presiden Dewan Perniagaan India seperti menyeru orang India memainkan peranan aktif dalam politik Tanah Melayu.

Ahli-ahli Dewan Perniagaan India mempunyai pelaburan yang banyak di Tanah Melayu di kalangan orang India dan juga di India. Oleh itu apabila kerakyatan diperkenalkan, mereka mula bimbang dan keliru tentang cara-cara memperolehi kerakyatan, kelayakan dan juga tentang kerakyatan negara yang mana satu harus dipilih. Oleh itu mereka telah menghantar wakil-wakil mereka ke India untuk mendapat penjelasan tentang kerakyatan.

Dewan Perniagaan India juga telah membantu imigran-imigran India yang ingin datang dan yang benar-benar layak ke Tanah Melayu dari segi urusan dengan kerajaan. Ahli-ahli Dewan Perniagaan India selalu menggunakan pengangkutan kapal laut untuk ulang-alik di antara Tanah Melayu dan India. Perkhidmatan kapal laut yang kurang memuaskan seperti kadar bayaran yang mahal, ketidaksesuaian dan kemudahan dalam kapal laut telah menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan orang India terutamanya di kalangan peniaga. Mereka telah mengemukakan masalah mereka kepada kerajaan India. Kerajaan India dengan menambahkan khidmat kapal laut telah menyelesaikan masalah pengangkutan orang India.

Masalah utama yang dialami oleh ahli-ahli Dewan Perniagaan India ialah memulihkan perniagaan mereka yang telah rosot semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Ramai peniaga India telah menjadi muflis pada masa itu. Pengenalan Ordinan *Debtors* dan *Creditors* juga telah menyulitkan usaha mereka untuk memulihkan perniagaan mereka. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai cukai-cukai baru untuk memulihkan ekonomi kerajaan Tanah Melayu yang telah musnah semasa Pendudukan Jepun. Cukai-cukai baru dan pindaan cukai juga telah memberikan kesan yang negatif kepada golongan peniaga India.

Dalam tempoh masa dari tahun 1946 hingga 1957, Dewan-dewan Perniagaan India telah mengalami banyak dugaan dalam memulihkan kestabilan perniagaan mereka selepas Pendudukan Jepun dan akibat pengenalan rang undang-undang baru. Tetapi Dewan-dewan Perniagaan India dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya dengan berjaya. Dalam proses itu mereka telah memantapkan dewan mereka.

Nota Hujung:

1. The Straits Times, 25.6.1951, hlm.5.
2. Ibid.
3. Indian Daily Mail, 9.4.1950, Vol.6, No.57, hlm.4.
4. Indian Daily Mail, 6.5.1953, Vol.9, N0.84, hlm.4.
5. Ibid.
6. Indian Daily Mail, 25.4.1950, Vol.6, No.73, hlm.4.
7. Ibid.
8. Indian Daily Mail, 28.5.1952, Vol.8, NO.107, hlm.3.
9. Ibid.
10. The Straits Times, 26.10.1953, hlm. 2.
11. Ibid.
12. The Straits Times, 16.5.1949, hlm. 5.
13. Sila lihat Fail Federal Secretariat Circular No.39 of 1949.
14. Ibid.
15. Ibid.
16. Ibid.
17. The Straits Times, 2.6.1948, hlm.1.
18. Ibid.
19. Pada awalnya peniaga-peniaga India di Johor telah menjadi ahli-ahli Dewan Perniagaan India Singapura kerana di Johor tidak ada Dewan Perniagaan India.
20. The Straits Times, 22.2.1949, hlm.22.
21. Indian Daily Mail, 9.4.1950, op.cit., hlm.4.
22. The Straits Times, 12.11.1951, hlm.4.
23. The Straits Times, 6.5.1949, hlm.5.
24. Ibid.
25. Ramlah Adam, Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1998, hlm. 190 dan 217.
26. Ibid.
27. Sila lihat The Straits Times, 17.3.1950, hlm.4 dan Indian Daily Mail, 9.4.1950, Vol.6, No.57, hlm.4.
28. The Straits Times, 13.3.1950, hlm.5.
29. Ramlah Adam, op.cit., hlm. 218.
30. The Straits Times, 13.3.1950, hlm.5.
31. Ramlah Adam, op.cit., hlm.218.
32. The Sunday Times, 19.4.1953, op.cit., hlm.15.
33. Ibid.
34. The Straits Times, 27. 6.1949, hlm.3.
35. Ibid.
36. Ibid.
37. Ibid.
38. Indian Daily Mail, 14.5.1947, Vol. 3, No.78, hlm.4.
39. Ibid.
40. Ibid.
41. Indian Daily Mail, 2.5.1948, Vol.4, No. 76, hlm.4.
42. Ibid.
43. Indian Daily Mail, 22.5.1949, Vol.5, No.100, hlm. 4.
44. Ibid.
45. Indian Daily Mail, 24.10.1948, Vol.4, No.252, hlm.4.
46. Ibid.
47. Indian Daily Mail, 10.5.1947, Vol. .3, No.75, hlm.4.

- ⁴⁸ . Ibid.
- ⁴⁹ . Indian Daily Mail, 28.10.1948, Vol.4, No.255, hlm. 2.
- ⁵⁰ . Ibid.
- ⁵¹ . Indian Daily Mail, 5.11.1948, Vol.4, No.262, hlm.4.
- ⁵² . Ibid.
- ⁵³ . Ibid.
- ⁵⁴ . Indian Daily Mail, 15.9.1950, Vol. 6, No.214, hlm.50.
- ⁵⁵ . The Straits Times, 16.5.1949, hlm. 4.
- ⁵⁶ . Indian Daily Mail, 31.5.1938, Vol.4, No.705, hlm.4.
- ⁵⁷ . Ibid.